

# Gen-Z: Menguasai Pembelajaran Teradun dalam Memenuhi IR4.0

NST 31.10.2019 12

GENERASI Z atau ringkasnya, Gen-Z, dinyatakan oleh para pengkaji sebagai mereka yang lahir seawal tahun 1994 sehingga tahun 2010. Walau bagaimana pun tahun kelahiran ini adalah berbeza dalam kalangan para pengkaji disebabkan oleh pengaruh konteks dimana sesuatu kajian itu dilakukan. Apa yang parti adalah faktor perkembangan teknologi menyebabkan sesuatu tempat itu menerima pakai tahun yang lebih awal dari pengkaji lainnya khususnya dari rantau Asia Tenggara dan Malaysia khasnya.

Malah, dalam negara kita sendiri jika kajian yang tuntas dijalankan, belum tentu Gen-Z di luar bandar mempunyai tahun yang sama dengan Gen-Z yang lahir di kawasan bandar. Inilah pengertian konteks yang dimaksudkan. Justeru, bagi memastikan jurang dalam Gen-Z itu tidak terlalu lebar, maka pihak institusi pengajian tinggi baik di universiti awam maupun institusi swasta perlu menitikberatkan teknik pengajaran yang berorientasikan masa depan.

Dalam pada itu, tenaga pengajar perlu Memahami para pelajar yang berada dalam dewan atau bilik kuliah. Sekali lagi pelbagai nama diberikan kepada kumpulan generasi pelajar ini. Akan tetapi, majoriti pengkaji bersepakat bahawa Gen-Z adalah yang paling sesuai.

Gambaran awal beberapa penyelidikan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa bermula dengan Gen-Z, kita akan melangkah masuk ke satu fasa generasi yang seperti menyamai ciri-ciri Generasi senyap (Silent Generation) yang lahir pada tahun 1945 atau sebelumnya. Dengan kata lain generasi yang akan datang beberapa era selepas ini kelak adalah generasi yang tidak lagi menggunakan pertuturan lisan sebagai bahasa perhubungan sepenuhnya. Memadai dengan menekan aksara tertentu pada gajet berteknologi lebih canggih dari hari ini, perhubungan masa depan bakal menyaksikan suatu senario tanpa bunyi yang menenggelami hiruk pikuk suasana keadaaan

Sedar atau tidak, Gen-Z sudah pun hampir sebat dengan cita rasa pembelajaran berdasarkan teknologi, dimana pembelajaran teradun adalah salah satu dari platform menyampaikan pengajaran berkonsepkan teknologi.

Suatu kajian mendapat bahawa Gen-Z mengharapkan bahan pengajaran berdasarkan teknologi digital digunakan dalam kelas dan tugas di luar kelas. Mereka juga mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengetahui maklumbalas kepada sebarang tugas yang diarahkan oleh pensyarah.

Selain itu, mereka mempunyai minat yang tinggi untuk berkreativiti dalam pelaksanaan tugas. Penghasilan video pendek berdurasi satu minit umpamanya adalah kegemaran mereka. Jika durasi video pengajaran pula, mereka lebih fokus untuk tiga atau lima minit pertama. Selebihnya, mereka akan melihat pesanan ringkas dalam telefon bimbit mereka.

Gen-Z juga sentiasa inginkan sebab untuk mereka hadir ke kuliah berikut. Sehubungan itu, pada setiap akhir waktu kuliah, pensyarah kena bijak mewar-warkan sesuatu yang penting yang mana akan mereka pelajari pada sesi kelas berikutnya. FOMO atau sindrom fear of missing out juga sangat kuat mempengaruhi minda mereka.


Jika mereka kurang maklum akan perkembangan yang berlaku di dunia, mereka akan berasa seperti kekurangan sesuatu. Hal ini boleh mempengaruhi semangat mereka untuk belajar sesuatu yang baharu. Kemungkinan inilah antara punca mengapa kelakuan suka menyebarkan berita tidak pasti (viral) mendapat tempat dalam kalangan mereka. Hal ini sangat menggusarkan.

Oleh yang demikian, peranan para tenaga pengajar amat penting bukan sahaja untuk menyampaikan pengajaran menggunakan teknologi tetapi juga mendidik para pelajar bagaimana teknologi ini digunakan secara bermanfaat. Apatah lagi kumpulan Gen-Z ini bakal mengisi ruang dan peluang pekerjaan dalam sedikit waktu lagi. Kebolehpasaran mereka adalah

sejauhmana mereka boleh menguasai teknologi agar mereka sukses dalam prasarana persekitaran IR4.0.

Prof Dr Fong Soon Fook, Pengarah Pusat E-Learning UMS, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan Dr Jakarta Dasan, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah telah mengongsikan kepakaran dan pengalaman mereka masing-masing dalam Siri Academic Coffee Table Talk yang diaturkan oleh AMC College bertempat di Hotel Grandis and Resort pada 28/10/2019. Bengkel ini disertai oleh kumpulan pengurusan dan pensyarah AMC College.

En Jeffry Goh, Ketua Pegawai Eksekutif AMC College, dalam ucapan pembukaannya menyatakan bahawa objektif program tersebut diadakan adalah untuk mengumpulkan kalangan pakar akademia untuk berkongsi mengenai harapan dan kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar (Gen-Z) bagi memenuhi keperluan kerja masa depan. Program itu juga adalah bagi meningkatkan kemahiran pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar AMC College. (Oleh. Dr Jakarta Dasan, Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.)



GAMBAR KENANGAN... Jeffry Goh, CEO AMC College (duduk tengah) mengabadikan gambar kenangan bersama Ahli Panel dan tenaga penggerak AMC College.